

11 JUN 2001

Mahathir-Kewangan

MENTERI KEWANGAN MESTI BERSIH DAN TIDAK BERKONTROVERSI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau masih belum memutuskan calon bagi jawatan Menteri Kewangan tetapi menyatakan orang yang bakal dipilih mestilah "tahu mengenai kewangan, bersih dan bukan tokoh yang kontroversi".

"Beliau mungkin seorang ahli politik, mungkin bukan ahli politik, saya tidak tahu. Saya mahu memikirkannya dengan terperinci bagi memutuskan sesuatu yang saya rasa sangat penting kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau belum menyenarai pendek calon bagi jawatan itu yang sebelum ini dipegang oleh Tun Daim Zainuddin. Daim meletakkan jawatan pada 1 Jun lalu selepas bercuti selama dua bulan.

Perdana Menteri ketika ini mengambilalih jawatan Menteri Kewangan.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan sebuah buku bertajuk "Wawasan Terlaksana -- Perubahan Perbadanan Minyak Negara." Buku itu adalah mengenai sejarah Petronas dan aktivitinya sejak 25 tahun lalu.

Apabila ditanya sama ada beliau akan terus menjadi Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata: "Tanggungjawab sebagai Perdana Menteri sangat berat, begitu juga Menteri Kewangan, oleh itu saya akan usahakan bagaimana untuk mengendalikannya sehingga saya menemui calon bagi Menteri Kewangan".

Dr Mahathir berkata beliau sedang menimbangkan segala kemungkinan bagi pelantikan itu termasuk mewujudkan jawatan Menteri Kewangan kedua, seperti yang berlaku ketika krisis ekonomi serantau pada 1998.

Ketika itu Dr Mahathir juga mengambialih portfolio Menteri Kewangan.

"Saya perlu mengkaji perkara itu, ia satu pelantikan yang sangat serius, saya tidak boleh menyerahkan sewenang-wenangnya kepada sesiapa sahaja, saya perlu mengambil sedikit masa untuk menilainya," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan menteri kewangan yang baru akan menjadi bendahari UMNO, kedudukan yang turut dikosongkan oleh Daim.

Ditanya mengenai spekulasi terdapat perselisihan pendapat antara beliau dan Daim, Dr Mahathir berkata: "Tiada perselisihan. Saya rasa ia pengunduran secara baik. Beliau rasa mungkin ada orang yang tidak menghargai apa yang beliau lakukan dan beliau fikir sudah tiba masanya untuk meninggalkan kerajaan."

Ditanya sama ada benar rumah Daim telah digeledah oleh polis, Dr Mahathir berkata: "Tidak, setakat yang saya tahu tidak."

"Saya tidak tahu kalau ada orang yang melakukannya, tetapi saya memang tidak tahu langsung."

-- BERNAMA

SR MR ZK JR NMO